

Umat Islam di Madagaskar dan perkembangannya

Islam telah masuk ke Pulau Madagaskar pada zaman permulaan Islam. Telah sebut bahawa orang-orang Islam telah mengenal Pulau Madagaskar, dan telah mengadakan hubungan pernikahan dengan penduduk semenjak kurun yang pertama (kurun hijrah). Orang-orang Islam telah berkekalan berulang alik ke Madagaskar secara perseorangan dengan tidak bertujuan hendak tinggal bermastautin di situ, sehinggalah akhirnya mereka datang beramai-ramai berpindah ke situ setelah berlaku kekacauan siasah di daerah masing-masing.

Kumpulan yang mula-mula sekali berpindah ke situ ialah sepuak dari kaum Bataniyah dalam zaman Khalifah al-Mahdi. Dalam pelayaran ke pulau itu mereka telah melalui pantai timur Afrika. Selepas itu datang pula puak Zaidiyah (pecahan kaum Syiah). Dalam perjalanan ke situ, sebahagian dari antara mereka telah tinggal di bandar Maqadishū dan Mumbasadan¹ yang bakinya meneruskan pelayaran ke Madagaskar. Selepas itu beberapa puak Islam, selain daripada puak-puak Syiah tadi telah berpindah ke Madagaskar. Sebahagian telah tinggal di pulau “Kumur” dan yang bakinya meneruskan ke Pulau Madagaskar. Masing-masing bercita-cita hendak menjadi kaya raya kerana pada paman² itu perniagaan di laut sedang memuncak tinggi.

Kumpulan-kumpulan Islam telah tinggal menetap di daerah-daerah pantai Pulau Madagaskar, dan membina pelabuhan lama serta mendirikan bandar-bandar pelabuhan baharu yang membayangkan pengaruh Arab, dan berusaha menyiarkan Islam dalam kalangan penduduk asli yang telah bersemadi dan bersatu padu dengan mereka. Dalam masa yang pendek sahaja, mereka telah berjaya menghubungkan kepulauan Madagaskar dengan selatan Semenanjung Arab, Teluk Arab, Laut Merah dan lain-lain bandar pelabuhan di Asia dan di Afrika. Dengan jalan itu penyiaran Islam makin merebak dalam daerah yang luas sekali.

Nampaknya ahli-ahli pelayaran dan saudagar-saudagar Muslimin, telah mengadakan hubungan perniagaan dengan bandar-bandar di Afrika Selatan juga atau sekurangnya telah sampai ke situ.

Ini telah sabit sebagaimana yang telah disebutkan oleh al-Mas‘udi (wafat 346H) di dalam kitab sejarahnya “*Muruj al-Dhahab*”

dan al-Biruni (wafat 430H) dalam kitab sejarahnya “*al-Athār al-Bāqiyah ‘an al-Qurūn al-Khāliyyah*”, dan Ibn Khaldun (wafat 808H) di dalam kitab “*Muqaddimah Ibn Khaldun*”, dan lain-lain lagi bahawa orang-orang Islam telah menghubungkan Lautan Hindi dengan Lautan Atlantik, dan bahawa mereka telah mendahului Vasco da Gama (Portugis) dalam zaman yang lama. Hanya mereka tidak mengatur pelayaran perniagaan ke pantai-pantai Afrika Barat kerana dua sebab: pertama - pantai timur Afrika masih makmur, kedua- pantai barat menjadi tempat perniagaan saudara mereka orang-orang Islam dari semenanjung Sepanyol dan Maghribi.

Ahli Ilmu Alam dan ahli-ahli pelayaran Islam menyebut Pulau Madagaskar dengan nama pulau “al-Qamar” kadang-kadang pulau itu terkenal dengan nama “Qadhbilū”³ sebagaimana yang disebutkan oleh Renault, dan kadang-kadang terkenal dengan nama “Siyila”⁴ sebagaimana yang disebutkan oleh nakhoda Jack: saudagar-saudagar membawa keluar dari pulau itu bau-bauan, lilin, dan gaharu yang terkenal dengan nama “*Al-Famāri*”

Ibn Khaldun telah menggambarkan keadaan Pulau Madagaskar dan penjaganya dengan gambaran halus, katanya: “*sebuah pulau yang panjang, dimulai dari arah “tanah sepuluh” (Afrika tenggara ke timur, dan banyak berpatah ke utara)*”

Yakut Hamdi⁵ menyebutnya di dalam kitab “*Mu‘jam al-Buldan*” bahawa pulau itu ialah sebesar-besar pulau di laut *bahr al-zanj* (maksudnya laut Afrika timur. Sebenarnya Lautan Hindi), dan bahawa pulau itu mengandungi beberapa buah bandar dan di perintah oleh beberapa orang raja. Tiap-tiap seorang berasing dari yang lain.

¹ Perkataan tidak dapat dikesan

² Perkataan sebenar ialah zaman

³ Perkataan tidak dapat dikesan

⁴ Perkataan tidak dapat dikesan

⁵ Nama sebenarnya ialah Taqut al-Hamawi

Shamsuddin Dimashqi pula menyebut di dalam kitabnya “*Nakhbah al-Dahru*” tentang tasik-tasik dan sungai-sungai pulau Madagaskar.

Al-Qalqashandi pula telah menyebut di dalam kitabnya “*Subh al-A’sha*” bahawa panjang pulau itu ialah lima puluh dua darjah, dan lebarnya di selatan tiga darjah. Ia telah mengulang apa yang disebutkan oleh “al-Idrisi” tentang penduduknya beragama Islam.

Kumpulan-kumpulan Islam yang pertama yang pertama yang silih berganti di pulau itu telah meninggalkan bekas-bekas lama yang telah didapati baharu-baharu ini, seperti kubur-kubur yang bernisan Islam, dinar-dinar emas, dan pinggan kaca yang berhias dengan bunga-bunga dan tulisan Arab.

Sebagaimana orang-orang Islam telah meninggalkan beratus-ratus perkataan Arab dalam bahasa anak negeri Pulau Madagaskar, terutama mengenai ibadah, ilmu nujum dan sihir, dan banyak pula yang mengenai ilmu pengetahuan, kesenian dan tatatertib, dan juga yang mengenai tidur, pakaian dan mata wang.

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh:

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

Anak negeri di daerah-daerah pantai mempunyai bentuk rupa Arab, mereka juga memakai pakaian yang berbentuk Arab. Banyak di antara mereka yang berkhatan, dan setengahnya mengambil berat menghormati hari Jumaat, dan memandangnya hari untuk berehat. Mereka tidak menjalankan sesuatu amal ibadah melainkan setelah mandi. Setengahnya menyimpan kitab-kitab bertulis tangan dengan bahasa Arab, atau dengan huruf Arab sahaja.

Keadaan dan hasil

Pulau ini luasnya 241,094 batu persegi.

Pulau ini dikuasai oleh kerajaan Perancis sebagai tanah jajahannya.

Pulau ini bergunung-ganang terutamanya di sebelah tengahnya.

Di sana banyak didapati gunung berapi.

Di antara penduduknya didapati juga sedikit orang-orang Hindu dan China. Mungkin kedatangan mereka sebagai keturunan pelayaran keduanya yang singgah lalu tinggal menetap di situ.

Hasil penduduk terutamanya di dalam bercucuk tanam. Hasil-hasil yang utama ialah beras, ubi kentang, ubi kayu, gula dan koko.

Kayu-kayu hutannya sangat-sangat berharga. Negeri ini di perintah oleh seorang Gabenor Jeneral Perancis. Pelajaran-pelajaran sekolah diwajibkan sehingga kepada kanak-kanak berumur 14 tahun dengan bahasa pengantaraannya bahasa Perancis.

Jumlah Orang-orang di Madagaskar

Di Pulau Madagaskar banyak orang-orang yang beragama Islam. Menurut banci “Majlis Hal Ehwat Islam Sedunia” di Karachi, pada tahun 1957, bahawa orang-orang Islam di Pulau Madagaskar berjumlah 900,000 iaitu lebih daripada seperlima daripada jumlah penduduknya. (Penduduk Madagaskar pada masa itu ialah 4,300,000 orang).

Orang-orang Islam di sana menjalankan ibadat mereka dalam kira-kira 75 buah masjid.

Di sana juga terdapat beberapa puak dari anak negeri yang telah terpengaruh kepada pengajaran Islam. Tetapi belum nyata lagi setakat mana pengetahuan mereka tentang pengajaran Islam.

Masseo “Derre”⁶ bekas pengarah Jabatan Tanah-tanah Jajahan Perancis, telah menjalankan penyiasatan dalam tahun 1945 tentang kesan-kesan pengajaran Islam dalam kalangan suku-suku anak negeri yang bukan Islam di Madagaskar. Hasil penyiasatannya itu menunjukkan bahawa ada empat puak di Madagaskar. Yang bukan Islam telah dipengaruhi oleh pengajaran-pengajaran Islam dalam iktikad kepercayaan mereka. Mereka itu ialah:

1. Suku Anjatazi⁷: mereka tinggalnya di utara Pulau Madagaskar. Mereka berbangga bahawa mereka keturunan ahli-ahli pelayaran Arab yang telah berkahwin dengan perempuan-perempuan anak negeri. Suku-suku yang lain yang tinggal berdekatan dengan mereka percaya, bahawa mereka mempunyai kekuatan rohani yang luar biasa, dan bahawa mulut-mulut mereka masin.
2. Suku Antalata⁸; mereka lebih terpengaruh kepada adat-adat Arab, baik tentang pakaian, atau lughah mereka atau pun adat pergaulan mereka. Mereka berbangga sebagai puak Islam dan menamakan diri mereka “*Silamu*” yakni orang-orang Islam, meskipun mereka tidak pandai menjalankan amal ibadat yang disuruh oleh Islam.

Kedua-dua suku yang tersebut terkenal pandai dalam ilmu sihir, dan penduduk Pulau Madagaskar percaya bahawa mereka sanggup memaksa kapal-kapal berlabuh di pantai-pantai mereka. Cara itu dilakukan dengan menyediakan mangkuk yang berisi air yang tidak diketahui tempat terbitnya, sambil mereka membaca mantera, kemudian mereka meletakkan mangkuk tu di tepi pantai. Kesudahannya angin ribut akan menjadikan kapal-kapal itu terdampar di pantai-pantai mereka.

3. Suku Zafindara Mina⁹; mereka mewarisi nasab keturunan yang menghubungkan mereka dengan orang-orang Arab yang datang dari Mekah dan Madinah, yang telah keluar belayar merempuh lautan dengan membawa dagangan, lalu kapal-kapal mereka dipukul oleh ombak ke pantai pulau itu.

Suku ini juga menghormati bulan “*Ramaḍān*” menamakannya “*Ramāfāhā*”. Mereka mengharamkan pertumpahan darah di dalamnya. Setengah daripada lelaki mereka menyimpan ayat-ayat Qur’an, dan menjadikan ayat Qur’an itu sebagai tangkal.

4. Suku Antambahoaka; mereka juga menghormati bulan Ramaḍān seperti suku Zafindara Mina tadi tetapi mereka lebih berbangga dengan keturunan mereka dari darah Arab, terutama ketua-ketua suku.

Masseo “Derre” ada menyebutkan, bahawa salah seorang ketua suku yang tersebut pernah berkata: “Asal usul kami tertulis pada muka kami.”

Tafsir al-Qur’ān al-Karim

Buku tafsir al-Qur’ān (Surah ali-Imran)

Penggal 5 susunan Ustaz Ahmad Sonhadji

Mohamad telah siap diterbitkan. Tebalnya 200 muka, tekniknya menarik dan kulitnya berwarna yang memikat hati.

Pesalah segera kepada penerbitnya supaya tidak ketinggalan.

Surah Al-Baqarah penggal	1 senaskhah \$2.50
“ “ “	2 senaskhah \$2.50
“ “ “	3 senaskhah \$3.00
“ “ “	4 senaskhah \$2.50
“ “ “	5 senaskhah \$2.50

Alamat penerbit:

ALMAKTAB ATTIJARI ASSHARGI

40, KANDAHAR STREET,

SINGAPORE, 7

⁶ Nama sebenar tidak dapat dikesan

⁷ Suku yang dimaksudkan kemungkinan besar ialah Antankarana

⁸ Suku yang dimaksudkan kemungkinan besar tinggal di daerah Antalaha

⁹ Perkataan sebenar tidak dapat dikesan